

KKTKW 18/4/2.01



Ibu Pejabat Jabatan Ukur
Semenanjung Malaysia
Jalan Gurney
Kuala Lumpur 15-02

20 hb. November, 1982.

PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.7 TAHUN 1982

Kerjaluar

Kerjaluar adalah tugas utama Jabatan Ukur Negeri yang amat penting. Berasaskan maklumat yang diperolehi dari kerjaluar, hitungan dibuat, pelan akui dilukis, dan surat hakmilik dikeluarkan oleh Kerajaan. Oleh yang demikian suka saya menegaskan sekali lagi bahawa tugas kerjaluar amatlah penting dan harus dikendalikan oleh pengukur yang cekap di bawah penyeliaan rapi oleh Juruukur Daerah yang meneliti dan menapis hasil kerjaluar sebelum memanjangkannya ke Ibu Pejabat.

2. Laporan Lawatan Kerjaluar

- 2.1 Juruukur Daerah yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan mengurus beberapa pasukan ukur di daerah tadbirannya harus cekap dalam bidang teknikal dan kerja hariannya. Beliau haruslah berkebolehan mengurus, memimpin dan melatih pengukur-pengukurnya.
- 2.2 Tertakluk kepada kebolehan dan tatakelakuan pengukur, Juruukur Daerah diwajibkan melawat setiap pengukurnya sekurang-kurangnya satu kali sebulan. Untuk menjaminkan lawatan kerjaluar ini berfaedah kepada pengukur yang dilawati sambil menentukan bahawa semua kerja berjalan dengan baik, licin dan teratur , Juruukur Daerah dikehendaki membuat laporan atas lawatan yang dibuat itu dengan menggunakan borang **KPU 128** yang dikepulkan dengan pekeliling ini.
- 2.3 Semua perkara dalam borang laporan ini hendaklah disemak dan dilaporkan . Laporan lawatan kerjaluar ini hendaklah disiapkan sebaik sahaja tamat lawatan. ianya hendaklah disampaikan kepada Pengarah Ukur Negeri yang akan membuat teguran dalam Borang KPU 128a yang dikepulkan dengan pekeliling ini.

3. Pengukur

Pengarah Ukur Negeri diingatkan bahawa kerjaluar yang bermutu tinggi tidak akan dicapai sekiranya pengukur yang menjalankan kerjaluar itu kurang dedikasi, minat, jujur atau cekap. Oleh yang demikian, mulai daripada 1.1.1983 cuma mereka yang dipercayai mempunyai potensi, ciri-ciri dan kebolehan untuk dinaikkan taraf kelak boleh dipilih untuk mengetuai pasukan kerjaluar sebagai pengukur.

Pengukur yang diberi tugas kerjaluar harus diletakkan dalam tempoh percubaan tidak melebihi 6 bulan. Apabila didapati pengukur itu tidak sesuai, ia harus ditarik balik dan diberi tugas di pejabat.

Pada amnya, Juruteknik Rendah sepatutnya jangan diberi tugas sebagai pengukur untuk ukur hakmilik tanah, kerana ini bukan bidang tugasnya.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

LEONG YIP SUN , JSM.

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.

LAPORAN LAWATAN KERJALUAR

Tarikh Lawatan : _____

1.	Nama Pengukur:	-----	2.	TaraF :	-----
3.	Jawatan :	-----	4.	Gaji sebulan :	-----
5.	Jam Sampai :	-----	Balik	-----	
6.	Jenis Lawatan :	-----	Di tempat kerja Cara :	-----	Mengejut

			Di kem		Diatur dahulu
--	--	--	--------	--	---------------

7.	No. Fail :	-----				
8.	Tempat Bekerja :	-----				
9.	Keadaan Tempat Kerja :	-----				

			Tepi jalan		Desa		Hutan		Berpaya
--	--	--	------------	--	------	--	-------	--	---------

			Jauh ke dalam		Pekan		Ladang		Datar
--	--	--	---------------	--	-------	--	--------	--	-------

			Kawasan terpencil		Bandar		Lombong		Berbukit
--	--	--	-------------------	--	--------	--	---------	--	----------

10.	Maklumat Teknikal :				
10.1	Bilangan tutupan bearing yang belum diselaraskan : -----				
10.2	Bilangan garisan yang jarak muktamat belum di-----				
10.3	Bilangan muka cerapan yang belum ada rajahnya : -----				
10.4	Bilangan cerapan matahari yang belum siap dikira :-----				
10.5	Bila cerapan matahari yang belum diambil :-----				

	10.6	Bilangan hitungan tikaian lurus yang siap : -----
	10.7	Bilangan hitungan tikaian lurus yang belum siap : -----
	10.8	Sudahkah hitungan untuk tanaman pastian disiapkan ? -----
	10.9	<u>Kemajuan :</u>

		Hari Lawatan	Tiga Hari Kerja Yang Lepas		
	Tarikh				
	Stesen				
	Jarak sempadan				
	Jarak terabas				
	Bil. Tanda sempadan ditanam				
	Bil. Pekerja hadir				

11.	Kerja dalam tangan pegawai :
-----	------------------------------

	No. Fail	Tarikh Kerja				Sebab Kelewatan
		Diterima	Dimulakan	Disiapkan	Akan Dipulangkan	
1						
2						
3						
4						

5						
6						

Teguran :

12.	Ulasan Am :	
	12.1	Cara Kerja : -----

	12.2	Keadaan Alat Kelengkapan -----

	12.3	Pekerja :-----

	Kepada :	Tandatangan :
--	----------	---------------

	Pengarah Ukur	Nama :
--	---------------	--------

		Jawatan :
	s.k. :	Tarikh :

TEGURAN PENGARAH UKUR ATAS LAPORAN LAWATAN KERJALUAR

Tarikh Lawatan : -----

Ruj. Fail : -----

Nama Pengukur :-----

Jawatan : -----

No. Fail Kerja : -----

Berasaskan kepada laporan dari Juruukur Daerah mengenai lawatan kerjaluarnya kepada tuan pada tarikh yang tersebut di atas saya berpendapat :

(a)	Maklumat Teknikal : ----- ----- ----- -----
-----	--

(b)	Kemajuan : ----- ----- -----
-----	------------------------------------

--	-------

(c)	Kerja dalam tangan : -----

(d)	Cara Kerja : -----

(e)	Alat Kelengkapan : -----

(f)	Pekerja : -----

(g)	Kesimpulan : -----

Kepada :	Pengarah Ukur
-----	-----
-----	Tarikh : -----

Melalui Juruukur Daerah ---	